

29 JUN 1996

Mahathir-Pertukaran

PERTUKARAN PUCUK PIMPINAN PERLU UNTUK RANCAKKAN LAGI PEMBANGUNAN

LANGKAWI, 29 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pertukaran pucuk pimpinan negeri Kedah dibuat kerana ia difikirkan perlu untuk merancaikkan lagi kepesatan pembangunannya.

Beliau berkata Kedah memerlukan idea-idea pembangunan yang baru untuk menyaingi perkembangan semasa.

Kerana itulah bekas Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid dilantik sebagai Menteri Besar yang baru menggantikan Tan Sri Haji Osman Aroff, katanya.

"Kita bukanlah hendak mengatakan bahawa Menteri Besar yang lama tidak bagus...dia bagus juga tapi kadang-kala kita perlukan sedikit pertukaran.

"Kita perlukan cara baru untuk membangunkan Kedah dan saya percaya Menteri Besar yang baru mempunyai banyak idea untuk tujuan itu," kata Perdana Menteri semasa berucap pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Padang Matsirat di sini.

Dr Mahathir berkata beliau yakin Sanusi, dengan sokongan anggota Exco kerajaan negeri dan semua anggota Dewan Undangan Negeri dapat menjalankan tanggungjawabnya dengan baik dan berkesan.

"Saya yakin beliau tidak akan menghadapi masalah kerana semua wakil rakyat negeri ini sudah memberi pengakuan mereka menyokong perlantikan Sanusi.

"Walaupun dahulu ada yang tidak setuju tapi sekarang sudah memberikan sokongan kerana yang ditukar hanyalah Menteri Besar sahaja sedangkan yang lain seperti Exco dan wakil rakyat masih orang yang sama," katanya.

Ketika isu perlantikan Sanusi hangat diperkatakan, 22 Anggota Dewan Undangan Negeri Kedah menghantar memorandum kepada Perdana Menteri menolak sebarang pertukaran pucuk pimpinan negeri Kedah.

Mereka mendesak supaya Osman dikekalkan sebagai Menteri Besar dan tidak menyokong perlantikan Sanusi.

Beliau juga gembira dengan kesediaan semua wakil rakyat di negeri ini untuk menyokong perlantikan Sanusi yang keadaan itu menurutnya mungkin sukar untuk berlaku di negara lain.

Dr Mahathir berkata di sesetengah negara lain, jika rakyatnya tidak bersetuju dengan sesuatu perkara yang dibuat oleh kerajaan mereka akan memberontak atau menunjuk perasaan.

Keadaan itu hanya akan merugikan rakyat sendiri tetapi ia tidak berlaku di negara ini, katanya.

"Oleh itu saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada semua wakil rakyat negeri ini dan rakyat Kedah kerana bersetuju dengan perlantikan Menteri Besar baru dan menyokongnya pula," katanya.

Terdahulu, Sanusi dalam ucapannya berkata selepas 14 bulan "berehat" beliau kini amat bertenaga untuk bekerja dan mencurahkan semua ideanya bagi membangunkan lagi Kedah.

Bagaimanapun beliau memerlukan sokongan semua untuk mencapai hasrat itu.

"Kita memerlukan sokongan dan bantuan semua orang dan di kalangan pelabur pula, kita menjemput mereka untuk ke negeri ini sama ada mereka itu yang telah melabur di Kedah atau yang baru bercadang hendak melabur,"

katanya. -- BERNAMA

ZAA RON